

TARIKH	3 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	11	RUANGAN	Nasional

## Eropah minat pelajari pengurusan haji Malaysia

SEPANG - Malaysia terus dikagumi masyarakat antarabangsa sebagai negara yang cekap dalam menguruskan jemaah haji pada setiap tahun sehingga beberapa negara di Eropah, Amerika Syarikat, Kanada dan Afrika turut berminat untuk mempelajari kaedah yang diguna pakai Lembaga Tabung Haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, perkara itu dinyatakan wakil negara itu pada jamuan dianjurkan Kerajaan Arab Saudi pada hari kedua sambutan Aidiladha minggu lalu.

"Tahun ini kebetulan ada jemaah haji dari negara berkenaan bersama kita. Mereka ingin melihat lebih dekat kaedah diguna pakai Tabung Haji yang lebih tersusun," katanya sejurus tiba dari Tanah Suci di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Menurutnya, pada masa sama, kerajaan Arab Saudi

terus memandang tinggi usaha dibuat kerajaan Malaysia dalam urusan haji sehinggakan jemaah haji dari negara ini menerima banyak kemudahan dari kerajaan itu.

Katanya, jumlah jemaah haji Malaysia yang sakit dan dimasukkan ke hospital milik Tabung Haji atau Arab Saudi didapati berkurangan kepada 132 pesakit berbanding lebih 200 pada tahun-tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, 117 jemaah ditempatkan di Hospital Tabung Haji manakala selebihnya terpaksa ditempatkan di Hospital Arab Saudi kerana menghidap penyakit yang memerlukan rawatan rapi dan peralatan lebih moden misalnya penyakit jantung.

"Ini kerana peralatan kita sedikit terhad. Bagaimanapun pihak kesihatan kita di Makkah termasuk doktor dan Tabung Haji sentiasa memantau perkembangan mereka di hospital itu," katanya. - Bernama